



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 29 DISEMBER 2023

| BIL. | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|-------------|--|---------------------------------------|
| 1. | 'IKAN LOKAL DI SELANGOR CEPAT PUPUS', NEGARA, KOSMO-13 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 2. | SYOR KILANG DIHADKAN BELI PADI HANYA 20,000 TAN, NASIONAL, BH-20 | LAIN-LAIN |
| 3. | TERUS BONGKAR TAKTIK SYARIKAT KARTEL, NASIONAL, SH-3 | |
| 4. | SUSAH DAPAT BERAS TEMPATAN DI KEDAH, DLM NEGERI, UM-35 | |
| 5. | PENGILANG BERAS MELAYU SEMAKIN PUPUS GARA-GARA MONOPOLI, DLM NEGERI, UM-10 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Tindakan lepas ikan 'alien' untuk nazar, ritualancam spesies tempatan 'Ikan lokal di Selangor cepat pupus'

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Pelepasan ikan asing atau lebih dikenali spesies 'alien' untuk membayar nazar atau ritual telah mempercepatkan kepupusan ikan asli tempatan di Selangor khususnya.

Pemilihan ikan khususnya jenis keli afrika atau nama saintifiknya *clarias gariepinus* yang dikatakan mempunyai daya tahan tinggi amat bersesuaian dengan nazar dibuat golongan tersebut.

Kehadiran ikan penceroboh ini dikatakan boleh memakan mana-mana spesies ikan dengan begitu banyak dan cepat bertindak balas kepada sumber makanan baharu.

Malah, ikan keli afrika yang seberat dua kilogram (kg) boleh menghasilkan kira-kira 45,000 biji telur.

Pengarah Jabatan Perikanan Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, ikan keli Afrika adalah tersenarai dalam senarai cadangan ikan yang tidak boleh dilepaskan di perairan umum melalui kempen-kempen kesedaran yang dijalankan pihaknya.

Katanya, pilahnya tidak pernah melarang sesiapa untuk melakukan upacara nazar, namun dengan syarat tidak melepaskan ikan invasif atau pemangsa.

"Mungkin dia (bernazar) berniat baik kerana ikan keli afrika boleh dimakan penduduk negara ini. Apabila ditangkap, nelayan darat akan mendapat pendapatan mereka sedangkan spesies asli ikan tempatan jenis itu adalah ikan keli bunga.

"Biasanya, ikan keli afrika ini adalah besar berbanding tempatan dengan di bahagian bawahnya berwarna seakan putih kelabu. Mereka yang bernazar sepatutnya merujuk kepada kami dengan pelbagai ikan lain boleh dilepaskan yang mempunyai nilai tinggi seperti lampam



CARTA menunjukkan spesies-spesies ikan yang dilarang diimport ke Malaysia. - SUMBER JABATAN PERIKANAN



NORAISYAH

sungai dan baung sungai," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini. Katanya, pelepasan ikan-ikan invasif ini telah menyebabkan ekosistem ikan air tawar tempatan kini semakin merosot dengan kemunculan pemangsa yang pelahap seperti ikan baung ekor merah, *peacock bass* dan pacu. Ujarnya, berdasarkan ka-



IKAN baung ekor merah yang dikenali sebagai pemangsa pelahap turut memakan lokan.

jian inventori perikanan darat dan maklumat daripada nelayan darat mendapati populasi mereka telah merebak di Sungai Klang, Sungai Langat, Sungai Selangor dan Sungai Bernam selain tasik atau kolam takungan yang wujud di negeri ini.

"Ikan-ikan 'alien' ini semakin dominan kerana sifatnya agresif dan mempunyai saiz besar sehingga menyebabkan ikan pemangsa tempatan seperti haruan, sebarau dan toman tidak mampu menandinginya.

"Sebahagian ikan ini juga boleh bertahan pada keadaan air yang tercemar seperti ikan keli afrika dan ikan bandar raya (ikan pleco). Ketahanan ini akan me-

nyebabkan ia senang membiak dan terus berkembang.

"Malah, hasil maklumat nelayan di Felda Soeharto, Hulu Selangor pernah menangkap ikan baung ekor merah seberat 50 kilogram (kg) selain terdapat maklumat diperolehi ikan jenis itu juga makan lokan iaitu sejenis haiwan cangkerang," katanya.

Noraisyah memberitahu, kebanyakan ikan alien ini adalah berasal dari benua Afrika dan Sungai Mekong yang dibawa masuk untuk tujuan ternakan, manakala ada sesetengah ikan yang telah disenarai sebagai ikan larangan dibawa atau diseludup masuk oleh pihak tidak bertanggungjawab.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|---------------|----------|------------|
| 29/12/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 20 |

Syor kilang dihadkan beli padi hanya 20,000 tan

Alor Setar: Kerajaan digesa menetapkan kuota belian padi bagi setiap kilang padi dengan menghadkannya kepada maksimum 20,000 tan sahaja pada setiap musim.

Pengerusi Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM), Mohamad Termizi Yop, berkata ia bagi membolehkan setiap kilang itu mendapat peluang membeli padi yang sama rata, sekali gus membantu pengilang Bumiputera.

Beliau mendakwa, ini kerana banyak pengilang kecil khususnya Bumiputera, terpaksa gulung tikar selepas gagal memperoleh belian padi untuk menampung kos operasi masing-masing.

"Ketika ini, tiada kuota ditetapkan, justeru ada pengilang menerima belian padi hingga 70,000 tan padi semusim. Apabila pengilang gergasi terbabit gagal mendapat belian padi yang besar, mereka mengupah broker untuk mencari padi di kawasan lain menyebabkan pindahan belian padi berlaku, sedangkan di kawasan itu ada kilang kecil yang perlu berniaga juga.

"Oleh itu, kita minta belian padi dihadkan kepada 20,000 tan untuk setiap kilang padi agar semua dapat sama rata dan kurang tawar-menawar," dakwanya pada sidang media, di sini, semalam.



Termizi (tengah) pada sidang media di Alor Setar, semalam. (Foto Ahmad Mukhsein Mukhtar/BH)

Mohamad Termizi mendakwa sekiranya tiada had belian ditetapkan, monopoli akan terus berlaku dalam kalangan pengilang besar sehingga boleh mengahayakan pengilang kecil 'pupus'.

"Perkara ini sudah berlaku sejak lima tahun lalu. Dahulu ada lebih 300 pengilang padi Bumiputera di seluruh Malaysia tetapi kini tinggal 60 sahaja. Sebelum ini di Kedah, ada 35 pengilang Bumiputera tetapi sekarang tinggal tujuh yang masih aktif.

"Ini kerana wujud kilang gergasi yang mendapat belian puluhan ribu tan sehingga berlaku pindahan padi menyebabkan kilang kecil gulung tikar. Justeru, kita minta kerajaan memberi perhatian kepada isu

kuota belian padi," dakwanya.

Beliau berkata, PPBMM juga yakin penetapan kuota itu dapat membantu mengatasi pelbagai isu berkaitan bekalan beras negara, termasuk dakwaan penyelewengan dan penipuan sehingga berlaku kekurangan bahan itu sebelum ini.

"Disebabkan tidak ada sistem kuota belian, maka dipercayai akan berlaku lagi penipuan beras tempatan. Kita tidak mahu perkara itu berlaku," katanya.

Mohamad Termizi mendakwa bahawa PPBMM sudah lama meminta perkara itu diberikan perhatian, namun pendapat mereka hanya dibiarkan ibarat 'melukut di tepi gantang'.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|----------|------------|
| 29/12/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 3 |

Terus bongkar taktik syarikat kartel

Teliti percaturan syarikat bida tender kerajaan

SHAH ALAM

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) digesa terus menyiasat percaturan syarikat-syarikat yang membida tender kerajaan bagi membongkar lebih banyak taktik sekali gus mengelakkan mereka membentuk kartel bagi memonopoli projek kerajaan.

Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM), Muhamad Hisham Marzuki berkata, kebanyakan kartel akan membuat perjanjian sesama mereka dengan mengatur strategi menawarkan harga tender yang berbeza antara satu sama lain.

"Contoh situasi, ada tiga syarikat iaitu A, B dan C memohon projek kerajaan. Syarikat A tawar pada harga RM2 juta, syarikat B RM1.8 juta, sementara syarikat C meletakkan amaun sekitar RM1.5 juta.

"Jadi sudah tentu syarikat yang menawarkan harga rendah mempunyai kebarangkalian tinggi untuk menang projek tersebut.

"Apabila strategi berkenaan berhasil, mereka akan mengagihkan amaun diterima mengikut perjanjian yang telah dibuat lebih awal," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini, akhbar ini melaporkan lebih 500 syarikat kini berada dalam radar MyCC kerana dipercayai membentuk kartel untuk membida tender projek kerajaan. Mereka menggunakan pelbagai modus



Penalti RM415.5 juta ke atas lima syarikat pengisar makanan ayam baru-baru adalah kejayaan terbesar MyCC.



MUHAMAD HISHAM

operandi termasuk ada pemilik syarikat sanggup berkahwin empat untuk membina empayar sendiri yang membolehkan mereka menggunakan nama isteri dan saudara-mara sebagai proksi.

Pada 22 Disember lalu, MyCC mengenakan penalti berjumlah RM415.5 juta kepada lima syarikat pengisar makanan ayam kerana melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) melalui pembentukan kartel penetapan harga makanan ayam, kartel terbesar dikesan sejak MyCC ditubuhkan pada 2011.

Lima syarikat itu ialah Leong Hup Feedmill (M) Sdn Bhd (Leong Hup); FFM Berhad (FFM); Gold Coin Feedmills (M) Sdn Bhd (Gold Coin); Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd (Dindings) dan PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd (PK Agro).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, isu kartel lima syarikat itu menjejaskan ekonomi negara kerana melibat-

kan unsur pakatan untuk menaikkan harga makanan ayam sekali gus menaikkan harga bekalan ayam di pasaran.

Dalam pada itu Muhamad Hisham berkata, penarikan diri daripada tender pada saat-saat akhir adalah salah satu taktik yang selalu proksi lakukan sewaktu membida projek.

"Ini merupakan salah satu tingkah laku yang sering syarikat-syarikat kartel lakukan semata-mata mahu membolot projek demi kepentingan sesama mereka.

"Pemilik syarikat akan berkompromi antara satu sama lain untuk membiarkan salah satu daripada mereka memenangi tender dengan cara rakan-rakannya menarik diri pada saat akhir," ujarnya.

Sementara itu, beliau berkata, segala jenis bentuk perjanjian yang dilakukan antara badan perniagaan merupakan pelanggaran undang-undang mengikut Akta Persaingan 2010.

"Selain itu, kartel-kartel ini turut berkomplot untuk menetapkan pengeluaran sesuatu barangan yang mana ini jelas boleh disiasat kerana berlaku pelanggaran undang-undang.

"Apabila mereka mengawal atau menghadkan pengeluaran sesuatu produk di pasaran, ia menyebabkan permintaan kepada barangan itu tinggi dalam kalangan pengguna. Keadaan itu akan mendorong kenaikan harga yang membebaskan pengguna," katanya.

Isu kartel barang keperluan rakyat dan projek kerajaan sering menarik perhatian rakyat Malaysia.

Ini termasuk pembongkaran sindiket kartel memonopoli 345 tender daripada beberapa Kementerian bernilai RM3.8 bilion yang dibongkar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 2021.

Ketua sindiket berkenaan dipercayai mengawal lebih 150 syarikat sejak 2014.

29/12/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

35

Susah dapat beras tempatan di Kedah

ALOR SETAR: Walaupun bergelar 'jelatang padi negara', ia bukan jaminan untuk penduduknya mendapatkan beras tempatan dengan mudah.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa premis di sini mendapati, beras import pelbagai jenama masih kekal mendominasi keseluruhan rak jualan sama ada di pasar raya atau kedai runcit sejak September lalu.

Malah, jika terdapat penjualan beras tempatan, bekalan itu ibarat 'pisang goreng panas' kerana pembeli terpaksa berebut-rebut untuk mendapatkan beras berkenaan bagi kampak 5 kilogram (kg).

Keadaan itu seolah-olah menggambarkan pengeluaran yang dikatakan antara 60 sehingga 65 peratus setahun bukan-nya melibatkan beras tempatan sebaliknya membabitkan beras

import.

Mengulas perkara itu, Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohd. Yusrizal Yusoff berkata, berdasarkan situasi semasa kadar tuaian padi negara, bekalan beras tempatan sepatutnya berada dalam lingkungan 40 ke 45 peratus ketika ini.

"Tetapi apa yang menghairankan bekalan beras tempatan tetap tidak ada di pasaran ataupun sangat terhad dijual kepada pengguna sedangkan maklumat daripada petani sendiri mereka menjual padi kepada pengilang pada kuantiti biasa seperti sebelum ini.

"Perkara ini terus menimbulkan kemusykilan terhadap pengguna kerana setiap kali mereka ke kedai untuk membeli beras, yang ada hanyalah beras import dan mahu tidak mahu mereka terpaksa beli juga wa-

alaupun harganya RM40 ke atas bagi kampak 10kg," katanya ketika dihubungi.

Untuk rekod, terdapat sebanyak 67 kilang padi dan beras di Kedah iaitu 15 daripadanya milik Bumiputera, 41 bukan Bumiputera dan 11 kilang Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dengan sembilan daripadanya tidak aktif.

Kapasiti simpanan padi bagi setiap kilang tersebut antara 2,000 metrik tan hingga 42,000 metrik tan sementara kapasiti simpanan beras pula antara 200 metrik tan hingga 17,500 metrik tan.

Sementara itu, Mohd. Yusrizal berkata, Cake sendiri hampir setiap hari terus menerima aduan daripada orang ramai berhubung kesukaran mereka mendapatkan bekalan beras tempatan di pasaran.

"Ada juga yang tanya menga-

pa jualan-jualan khas yang dianjurkan pelbagai pihak mudah dijual beras tempatan tetapi tidak di pasaran runcit. Perkara ini juga harus ditangani kerajaan kerana tidak semua berpeluang mengunjungi program jualan itu bagi mendapatkan beras tempatan pada harga jauh lebih murah daripada beras import.

"Kita juga tidak menolak kemungkinan masih terdapat kegiatan memanipulasi beras tempatan yang dilakukan pihak tidak bertanggungjawab selepas terdapat pengumuman kerajaan sedia mengkaji syor menaikkan harga siling BPT sebelum ini," katanya.

Seorang peniaga, Che Muri Lazim, 65, berkata, sejak harga beras import diapungkan, dia sudah tidak lagi menerima beras tempatan daripada pemborong untuk dijual di kedainya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------------|-----------------|------------|
| 29/12/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 10 |

Pengilang beras Melayu semakin pupus gara-gara monopoli

ALOR SETAR: Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM) mendakwa, tindakan monopoli belian padi dalam kalangan pengilang beras 'gergasi' ketika ini mengakibatkan pengilang beras bumiputera semakin pupus.

Pengerusi PPBMM, Mohamad Termizi Yop berkata, banyak pengilang beras kecil terutama dalam kalangan bumiputera gulung tikar kerana gagal memperoleh belian padi untuk menampung kos operasi kilang masing-masing.

"Perkara ini sudah berlaku sejak lima tahun lepas. Dahulu ada lebih 300 pengilang beras bumiputera di seluruh Malaysia tetapi sekarang tinggal 60 pengilang sahaja.

"Di Kedah, daripada 35 pengilang bumiputera sekarang cuma tujuh yang masih aktif," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Justeru, Mohamad Termizi berkata, PPBMM merayu kerajaan memperuntukkan kuota belian padi kepada setiap kilang di seluruh negara kepada had maksimum sebanyak 20,000



MOHAMAD Termizi Yop (duduk, tengah) di samping ahli jawatankuasa PPBMM dalam sidang akhbar di Alor Setar, Kedah.

tan metrik sahaja pada setiap musim.

Katanya, perkara itu bagi membolehkan setiap kilang mendapat peluang belian padi yang sama rata sekaligus membantu pengoperasian pengilang beras bumiputera khususnya.

"Sekarang tiada kuota ditetapkan, ada pengilang yang terima belian padi antara 40,000, 60,000 dan 70,000 tan

metrik. Apabila pengilang gergasi gagal mendapat belian padi yang mencukupi mereka mengupah broker untuk cari padi di tempat lain mengakibatkan berlaku pindahan belian padi.

"Sedangkan di kawasan tersebut ada juga kilang padi kecil yang perlu berniaga, bila kita had 20,000 tan metrik semua kilang akan dapat sama rata, jadi kurang tawar menawar (broker)," katanya.